

# Dua lelaki mengaku angkut PATI kena tiga tahun

## Kedua-dua tertuduh didakwa dengan niat bersama mengangkut tiga migran Indonesia yang diseludup



**KEPENJARA:** Gambar kiri menunjukkan Jeffrey (kiri) keluar dari kamar Mahkamah Tinggi semalam selepas selesai dijatuhkan hukuman. Manakala, gambar kanan menunjukkan Elvies (dua kanan) diiring polis ketika berada di lobi Mahkamah Kuching, semalam.

Oleh Hafizah Abdul Hamid

**KUCHING:** Dua lelaki masing-masing dijatuhi hukuman penjara tiga tahun oleh Mahkamah Tinggi di sini, semalam selepas mengaku bersalah mengangkut tiga warga Indonesia yang diseludup pada Oktober 2023.

Pesuruhjaya Kehakiman Zaleha Mohd Yusuf Pan menjatuhkan hukuman itu terhadap Elvies Jugah, 35, dan Jeffrey Tarang, 29, yang didakwa mengikut Seksyen 26J Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara tidak melebihi lima tahun dan boleh didenda sehingga RM250,000 atau kedua-duanya sekali jika

sabit kesalahan.

Berdasarkan kertas pertuduhan, kedua-dua tertuduh yang setiap seorang bertindak sebagai operator sebuah kenderaan jenis kompak dan sebuah motosikal didakwa dengan niat bersamalah mengangkut tiga migran warga Indonesia yang diseludup.

Kesalahan itu didakwa dilakukan mereka sekitar jam 5.40 pagi pada 19 Oktober 2023, di Jalan Ensawang, Lubok Antu.

Fakta kes mendedahkan kedua-dua tertuduh ditahan polis bagi membantu siasatan kes kerana disyaki memainkan peranan membawa masuk tiga orang migran ke Malaysia melalui jalan tikus.

Semasa tangkapan dibuat, polis turut merampas sebuah motosikal daripada Elvies yang disyaki digunakannya

bagi memudahkan pergerakan mengatur kemasukan tiga migran tersebut masuk ke Malaysia.

Turut dirampas, sebuah kereta kompak yang disyaki digunakan oleh Jeffrey untuk menghantar tiga orang migran ke Pasar Lubok Antu.

Hasil siasatan polis kemudian mendapati ketiga-tiga migran mengenali Jeffrey sebagai pemandu kenderaan yang menghantar mereka ke Pasar Lubok Antu.

Malah, ketiga-tiga migran tersebut juga mengenali Elvies yang berperanan mengatur kemasukan mereka ke Malaysia.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ayuna Yussoff sementara Elvies diwakili peguam Clarice Chan dan Jeffrey diwakili peguam Simon Siah.